



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Fail : (76) dlm. PTG/BPT/SEL10/31/99(LG).1
Tarikh : 9 Julai 2020

Chairman
The Selangor Bar
No. 41
Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
(u.p Puan Nurul Munahiza binti Hanafi)

Puan,

**PEMBUKAAN SEMULA KAUNTER CARIAN DAN KUTIPAN CARIAN BAHAGIAN
PENDAFTARAN HAKMILIK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR DAN
PEJABAT TANAH DAERAH DI NEGERI SELANGOR (LANDED)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Merujuk kepada mesyuarat bersama Tuan Pengarah Tanah dan Galian Selangor dengan kelulusan daripada YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Pendaftaran Hakmilik Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor akan membuka semula kaunter bagi urusan Carian (Rasmi dan Persendirian) **bermula** pada ketetapan berikut:-

Tarikh : **13 Julai 2020 (Isnin)**
Tempat : **Kaunter Carian Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Tingkat LG, PTG Selangor**
Masa : **8.30 pagi – 3.30 petang (Isnin – Khamis)
8.30 – 11.45 pagi & 2.45 – 3.30 petang (Jumaat)**
Mod Bayaran: **Tunai/Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos**

3. Selain itu, proses kutipan bagi carian (rasmi dan persendirian) bagi tarikh 'Dropbox' 9 Julai 2020 dan sebelumnya akan dilaksanakan pada ketetapan berikut:-

Tarikh : **13 Julai 2020 (Isnin) & 14 Julai 2020 (Selasa)**

Tempat : **Ballroom,
Tingkat G, Dewan Jubli Perak**

Masa : **9.00 pagi – 3.00 petang**

Dokumen yang diperlukan : **Slip Pengesahan Dropbox & Senarai Semak
Dropbox**

4. Sehubungan dengan itu, dipohon agar pihak The Selangor Bar untuk membuat hebahan kepada semua Firma Guaman yang berkaitan agar proses tersebut berjalan lancar. Diingatkan jua agar pihak Firma Guaman memberikan Kerjasama untuk mematuhi langkah keselamatan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya penjarakan sosial semasa berada di premis ini bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19.

5. Perhatian dan tindakan puan dalam perkara ini amat diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD NORSHAHNAZ BIN MD ZAHIR)
b.p Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

SALINAN KEPADA:

- i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- ii. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
- iii. Timb. Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pendaftaran)
- iv. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pengurusan)